

TERJEMAHAN ISTILAH BUDAYA KHUSUS MELALUI PROSEDUR PEMINDAHAN DALAM KITAB TERJEMAHAN SAHIH AL-BUKHARI**TRANSLATING CULTURE-SPECIFIC TERMS THROUGH TRANSFERENCE IN THE TRANSLATION OF *ṢAḤĪḤ AL-BUKHĀRĪ***

Lubna Abd Rahman*¹, Arnida A.Bakar¹, Sulhah Ramli¹, A.Irwan Santeri Doll Kawaid², Ahmad Izzuddin Abu Bakar², Muhammad Arif Asnawi Mat Zaki²

¹Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
lubna@usim.edu.my, arnida@usim.edu.my, sulhah@usim.edu.my

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
irwan@usim.edu.my, izzuddin@usim.edu.my, arifasnawi@gmail.com

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 03 Mac 2026

| Selepas Pembetulan: 25 April 2026

| Diterima untuk terbit: 30 Mei 2026

Abstrak

Pemindahan (transference) merupakan salah satu prosedur terjemahan yang lazim digunakan dalam menterjemahkan istilah budaya khusus, khususnya apabila istilah tersebut tidak mempunyai padanan langsung dalam bahasa sasaran. Walau bagaimanapun, penggunaan prosedur ini berpotensi mewujudkan jurang kefahaman dalam kalangan pembaca sasaran apabila istilah budaya dikekalkan dalam bentuk asal tanpa penjelasan makna yang mencukupi, sama ada dari aspek makna leksikal mahu pun fungsi kontekstualnya. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis istilah budaya khusus dalam teks terjemahan hadis bahasa Melayu, iaitu Terjemahan Sahih al-Bukhari (TSB) yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM). Kajian memfokuskan analisis terhadap istilah budaya khusus dalam bahasa Melayu daripada kategori budaya material dan bukan material. Pendekatan kualitatif diguna pakai menerusi kaedah teks analisis. Lima (5) data kajian berkaitan istilah budaya khusus yang diterjemahkan secara pemindahan dalam teks terjemahan tersebut dipilih, iaitu: *‘Asyura*, *jahiliyah*, *tharid*, *sawiq* dan *salaf*. Data dianalisis dari aspek leksikal dan kontekstual. Hasil dapatan menunjukkan bahawa istilah budaya khusus yang diterjemahkan secara pemindahan memerlukan keterangan tambahan atau perluasan makna. Ini bagi membantu pembaca supaya dapat memahami makna istilah budaya tersebut dalam konteksnya secara tuntas. Diharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan dalam memudahkan pemahaman pembaca bagi istilah budaya khusus yang bukan norma dalam konteks budaya sumber, di samping meningkatkan kualiti terjemahan teks agama yang lebih sensitif terhadap nuansa budaya.

Kata kunci:

Prosedur pemindahan, istilah budaya khusus, teks agama, Sahih al-Bukhari, unsur budaya.

Abstract

Transference is one of the translation procedures commonly used in rendering culture-specific terms, particularly when such terms do not have direct equivalents in the target language. However, the use of this procedure may create a comprehension gap among target readers when culture-specific terms are retained in their original form without sufficient explanation of their meaning, whether in terms of their lexical meaning or contextual function. Accordingly, this study aims to analyze culture-specific terms in the Malay translation of hadith texts, namely Terjemahan Sahih al-Bukhari (TSB), published by the Prime Minister's Office (JPM). The study focuses on the analysis of culture-specific terms in Malay from the categories of material and non-material culture. A qualitative approach was employed through textual analysis. Five data items related to culture-specific terms translated through transference in the selected translated text were chosen, namely: 'Asyura, Jahiliyah, tharid, sawiq and salaf. The data were analyzed from lexical and contextual perspectives. The findings show that culture-specific terms translated through transference require additional explanation or semantic expansion to help readers understand the meanings of these cultural terms more comprehensively within their contexts. It is hoped that this study will contribute to facilitating readers' understanding of culture-specific terms that are not part of the cultural norms of the target context, while also enhancing the quality of religious text translation in a manner that is more sensitive to cultural nuances.

Keywords:

Transference, Culture-Specific Terms, Religious Text, Sahih al-Bukhari, Cultural Elements.

1.0 Pengenalan

Penterjemahan bukan sekadar proses pemindahan unsur linguistik daripada bahasa sumber (BSu) kepada bahasa sasaran (BSa), tetapi turut melibatkan pemindahan maklumat, makna dan unsur budaya yang melatari teks sumber. Hal ini kerana unsur budaya dalam sesuatu teks memerlukan kefahaman terhadap konteks sosial dan budaya agar mesej dapat disampaikan secara tepat dan berkesan dalam bahasa sasaran (Norhazlina et al., 2024; Majitova, 2025). Justeru, dalam usaha memindahkan maklumat daripada BSu kepada BSa, penterjemah perlu memilih padanan yang paling sesuai antara kedua-duanya bagi menghasilkan terjemahan yang tepat dan mudah difahami (Nida & Taber, 1969; Newmark, 1988; Baker, 2018). Keperluan ini menjadi lebih penting apabila wujud perbezaan budaya yang berpotensi menyebabkan jurang linguistik, yang perlu ditangani secara bijaksana oleh penterjemah.

Dalam bidang terjemahan, pemilihan strategi atau prosedur penterjemahan memainkan peranan penting dalam menentukan ketepatan, kesetiaan, dan keberkesanan teks terjemahan. Peter Newmark (1988) melalui karyanya *A Textbook of Translation* telah memperkenalkan pelbagai prosedur terjemahan untuk membantu penterjemah mencapai padanan makna yang tepat atau padanan yang sesuai antara BSu dan BSa. Salah satu daripada prosedur yang diketengahkan oleh beliau ialah prosedur pemindahan, atau *transference*, yang sering juga disebut sebagai prosedur peminjaman (*borrowing*) dalam teori terjemahan yang diperkenalkan oleh Vinay dan Darbelnet (1995).

Namun, penggunaan prosedur pemindahan dalam menterjemahkan istilah budaya khusus sering menimbulkan cabaran dalam penyampaian makna kepada pembaca sasaran. Keadaan ini berlaku apabila istilah budaya dikekalkan dalam bentuk asal tanpa penjelasan yang mencukupi, sekali gus menyukarkan pembaca memahami makna dan fungsi budaya yang terkandung dalam istilah tersebut. Hasil daripada pemerhatian awal penyelidik terhadap teks Terjemahan Sahih al-Bukhari (TSB) terbitan Jabatan Perdana Menteri (JPM), terdapat sejumlah istilah budaya khusus (*cultural specific term*) yang diterjemahkan melalui prosedur pemindahan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan istilah budaya khusus dalam teks terjemahan hadis yang dipilih daripada TSB, dengan meneliti aspek leksikal dan kontekstualnya. Kajian dilakukan bagi menilai sejauh mana penggunaan prosedur pemindahan dalam menterjemah istilah budaya khusus dapat difahami dengan mudah dan jelas.

2.0 Sorotan kajian

2.1 Prosedur pemindahan

Pemindahan merujuk kepada proses memindahkan istilah atau elemen daripada BSu kepada BSa bahasa tanpa menterjemahkannya, atau mengekalkan unsur linguistik BSu dalam teks BSa tanpa menterjemahkannya secara langsung. Prosedur ini juga merangkumi transliterasi, iaitu proses mengalih huruf daripada satu bentuk huruf kepada bentuk huruf yang lain seperti transliterasi daripada tulisan Arab kepada tulisan rumi (Idris Mansor, 2013).

Lazimnya prosedur ini digunakan bagi kata nama khas, istilah budaya, atau istilah teknikal yang tiada padanan langsung dalam BSa (Amat & Abd Rahman, 2025). Menurut Newmark (1988), pemindahan (*transference*) merujuk kepada pemindahan satu unit linguistik sama ada nama diri, gelaran, institusi, atau istilah budaya daripada teks sumber kepada teks sasaran dalam bentuk asalnya. Contohnya, nama seperti Qur'an, Hadith, atau Kaabah dipindahkan terus ke dalam bahasa Melayu tanpa diterjemah, demi mengekalkan keaslian budaya dan makna asalnya.

Pemindahan sering kali digunakan dalam penterjemahan teks agama, teks sastera, dan teks ilmiah yang mengandungi elemen budaya tinggi atau istilah yang tidak boleh diterjemahkan secara literal tanpa kehilangan makna asal. Misalnya, dalam penterjemahan teks agama atau teks yang berunsur Islam daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu, pemindahan kerap digunakan untuk istilah agama seperti zakat, hijrah, fitrah, dan sebagainya, bagi memastikan kesahihan istilah tetap terpelihara (Abdul-Raof, 2001).

Salah satu kelebihan utama pemindahan ialah pengekalan unsur budaya teks sumber dalam teks sasaran. Dengan memindahkan istilah asal, pembaca dapat memahami konteks budaya teks sumber secara lebih autentik dengan latar budayanya yang tersendiri. Perkara ini penting khususnya dalam teks agama dan sastera, yang mana makna konotatif dan nilai budaya tidak dapat disampaikan dengan berkesan melalui terjemahan literal atau padanan fungsional. Hal ini kerana setiap unsur budaya mempunyai ciri khusus yang memaknainya dan membezakannya daripada yang lain (Louise, 2021). Dalam konteks ini, pemindahan dilihat sebagai pendekatan yang bertepatan bagi mengekalkan makna konotatifnya.

Selain itu, pemindahan juga berfungsi sebagai satu kaedah untuk mengekalkan keunikan budaya sumber dan memperkenalkan identiti budaya tersebut kepada pembaca sasaran. Menurut Newmark (1988), prosedur pemindahan digunakan untuk mengekalkan istilah budaya yang tidak mempunyai padanan yang memadai dalam bahasa sasaran, sekali gus membolehkan unsur budaya asal dikekalkan dalam terjemahan. Peranan ini menunjukkan bahawa pemindahan bukan sekadar mekanisme linguistik untuk memindahkan istilah, tetapi turut berfungsi sebagai medium untuk memelihara dan menyebarkan nilai budaya yang terkandung dalam teks sumber. Sehubungan itu, pendekatan ini mempunyai hubungan yang rapat dengan konsep pengasingan (*foreignization*) yang diketengahkan oleh Venuti (1995), iaitu pendekatan yang mengekalkan unsur budaya dan linguistik bahasa sumber bagi memperlihatkan identiti budaya asal kepada pembaca sasaran. Melalui pendekatan ini, pembaca bukan sahaja memperoleh maklumat linguistik, malah didedahkan kepada sistem budaya dan pandangan dunia yang melatari teks sumber (Baker, 2018).

Selain itu, pemindahan juga berfungsi sebagai satu cara untuk menyetengahkan, memperkenalkan atau mendidik budaya, khususnya dalam bidang penterjemahan antara bahasa dengan latar belakang budaya yang berbeza. Ini membolehkan pembaca bahasa sasaran mengenali istilah atau entiti budaya bahasa sumber yang unik, seterusnya memperluas lingkungan pengetahuan mereka (Baker, 1992). Oleh itu, Venuti (1995) menegaskan bahawa nilai keasingan yang mencirikan keunikan budaya teks sumber perlu dikekalkan dalam teks sasaran agar pembaca dapat memahami sekaligus menghayati makna nilai berkenaan. Ini memperjelas bahawa pemindahan sebagai prosedur dalam penterjemahan adalah suatu pendekatan yang berusaha menjaga nilai keunikan dalam makna teks sumber yang sekaligus memperkenalkan keunikan budaya dan memperluas pengetahuan dan pengalaman pembaca.

Namun demikian, tidak disangkal bahawa pemindahan juga mempunyai kekurangan. Antara faktor yang mendorong kepada hal ini adalah potensi kekaburan makna kepada pembaca sasaran yang tidak arif dengan budaya atau konteks asal istilah tersebut. Ini boleh menimbulkan salah faham atau kebingungan, terutamanya jika istilah itu tidak dijelaskan melalui glosari, nota kaki, atau konteks yang mencukupi. Tambahan pula, Penggunaan pemindahan secara berlebihan boleh mengurangkan keterbacaan teks sasaran dan mewujudkan ketegangan antara pengekalan keaslian budaya dengan kefahaman pembaca (Nida & Taber, 1969).

Hakikatnya, pemindahan merupakan prosedur penterjemahan penting yang menyumbang kepada keaslian dan integriti budaya teks sumber. Ia amat berguna dalam

konteks penterjemahan yang melibatkan elemen budaya, agama, dan istilah khas. Walau bagaimanapun, penggunaannya perlu dilakukan secara teliti dan perlu disertai dengan penjelasan atau keterangan tambahan bagi memastikan mesej yang disampaikan tetap difahami oleh pembaca dalam bahasa sasaran. Justeru, penterjemah perlu membuat pertimbangan berdasarkan konteks, khalayak sasaran, dan objektif terjemahan.

2.2 Penterjemahan hadis

Hadis merupakan sumber kedua dalam syariat Islam selepas al-Quran sebagaimana yang telah disepakati oleh para sarjana Islam. Para cendekiawan daripada kalangan sahabat semuanya kembali kepada hadis Rasulullah SAW apabila menerangkan maksud al-Quran kerana hadis adalah sumber syariat Islam mengenai halal dan haram mahupun perkara-perkara ghaib. Walau bagaimanapun, autoriti dan autentikasi al-Quran tidak boleh dipertikai kerana kesemua ayat al-Quran adalah mutawatir (Adi Hazmi, 2025).

Hadis Nabawi adalah salah satu daripada genre teks agama yang sarat dengan unsur linguistik dan budaya. Penterjemahannya merupakan proses yang penuh dengan cabaran terutama dalam mencari padanan yang dapat mengekalkan makna yang dikehendaki. Terdapat kajian mutakhir yang telah meneliti pelbagai isu berkaitan penterjemahan hadis termasuk cabaran dan kesukaran yang dihadapi. Menurut Dhuha Abduljabbar Fathi (2023), terdapat tiga cabaran atau kekangan utama dalam penterjemahan hadis, iaitu: (1) aspek retorik yang mencirikan perkataan yang digunakan dalam hadis, (2) aspek budaya yang melatari makna perkataan justeru terserlah perbezaan budaya, dan (3) aspek terminologi yang hanya wujud dalam bahasa Arab tetapi tiada padanannya dalam bahasa sasaran (Inggeris) kerana setiap bahasa mempunyai tradisi budaya berbeza, terutama bagi istilah agama dan aspek konteks emosi spiritual terkait dengan agama. Ini menjelaskan bahawa hadis yang dilatari dengan ciri khususnya mewujudkan jurang makna dari aspek linguistik dan budaya.

Terjemahan hadis sering menjadi isu sensitif kerana perbezaan dalam memahami maksud dan konteks bahasa asal boleh membawa kepada pelbagai tafsiran dalam bahasa sasaran. Pada zaman dahulu, khususnya ketika Islam mula bertapak di Nusantara, terjemahan hadis lebih bersifat keperluan dakwah para alim ulama dalam menyampaikan maksud hadis kepada masyarakat setempat (Majid et al., 2014).

Usaha ini bertujuan agar ilmu hadis tidak terpinggir, walaupun pada peringkat awal perkembangannya tidak sepesat ilmu tauhid, feqah dan tasawuf. Namun begitu, pada masa kini, perkembangan ilmu hadis lebih tertumpu kepada penyelidikan yang menyeluruh dan mendalam, merangkumi pelbagai aspek dan disiplin seperti ketepatan dan kaedah terjemahan, kaedah pentahkikan, periwayatan hadis, serta isu penyebaran hadis palsu (Yassin et al., 2017). Malah, usaha menterjemah hadis kini tidak lagi terhad kepada golongan celik sahaja, sebaliknya terdapat inisiatif daripada pihak berautoriti dan pakar untuk menyediakan terjemahan khusus bagi golongan orang kurang upaya (Md Noor et al., 2024).

Penterjemahan hadis merupakan satu bidang yang mempunyai disiplinnya yang tersendiri. Banyak kosa kata dalam hadis mempunyai pelbagai makna dan mengandungi ungkapan-ungkapan kiasan yang kompleks, menjadikannya sukar untuk difahami secara literal. Oleh itu, seseorang penterjemah yang terlibat dalam menterjemah teks-teks hadis perlu memenuhi syarat-syarat tertentu agar hasil terjemahannya tepat dan tidak menyimpang (Zainal Abidin, 2014).

Teks hadis merupakan wahyu yang disampaikan oleh Rasulullah SAW dan mengandungi mesej penting berkaitan aqidah, hukum, akhlak serta berlatar belakangkan budaya masyarakat pada ketika itu (Rosyanti, 2018). Dalam menterjemah teks hadis tersebut, terdapat beberapa isu yang timbul, antaranya ialah terjemahan yang terlalu ditambah sehingga menyimpang daripada makna asal, kekaburan dari segi makna dan struktur yang menyebabkan ketaksamaan, serta penggunaan unsur linguistik yang tidak diperlukan dan kadangkala mencemarkan makna atau struktur ayat tersebut (Kardimin 2013; Rahawan, 2019).

Seiring perkembangan kajian linguistik dan terjemahan, terjemahan hadis kini semakin mendapat perhatian kerana kepentingannya sebagai sumber kedua utama selepas al-Quran dan peranannya dalam pentafsiran kitab suci serta pembinaan hukum. Minat masyarakat terhadap ilmu hadis juga meningkat, seperti dapat dilihat daripada sambutan hangat di media sosial terhadap hantaran berkaitan hadis dalam bahasa Melayu (Ahmad Izzuddin, 2024). Fenomena ini menekankan keperluan kajian terjemahan hadis dalam bahasa Melayu agar masyarakat dapat memahami maknanya secara jelas dan tepat.

3.0 Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis teks bagi meneliti penggunaan prosedur pemindahan (*transference*) dalam penterjemahan istilah budaya khusus daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu. Pendekatan ini dipilih kerana kajian tidak bertujuan membuat generalisasi statistik, sebaliknya menumpukan penelitian mendalam terhadap bentuk, makna dan fungsi istilah budaya dalam teks sumber serta cara istilah tersebut dipindahkan dalam teks sasaran.

Analisis dijalankan berdasarkan analisis leksikal dan kontekstual. Analisis leksikal digunakan untuk mengenal pasti makna asas istilah budaya berdasarkan kamus Arab dan sumber syarah hadis, manakala analisis kontekstual digunakan untuk meneliti fungsi istilah tersebut dalam konteks hadis serta kesan pemindahannya dalam terjemahan bahasa Melayu. Dengan cara ini, kajian dapat menilai sama ada istilah yang dipindahkan masih memerlukan keterangan tambahan bagi membantu kefahaman pembaca sasaran.

3.1 Reka bentuk kajian

Kajian ini ialah kajian kualitatif eksploratori berasaskan analisis teks. Reka bentuk ini sesuai kerana kajian kualitatif membolehkan penyelidik meneliti sesuatu fenomena secara mendalam berdasarkan data berbentuk teks, makna dan konteks, khususnya apabila fenomena yang dikaji memerlukan penerokaan interpretatif dan bukan pengukuran statistik semata-mata (Creswell & Poth, 2016). Dalam konteks kajian terjemahan, analisis teks merupakan pendekatan yang relevan untuk meneliti hubungan antara teks sumber dengan teks sasaran serta mengenal pasti cara makna, bentuk dan

fungsi linguistik dipindahkan dalam proses penterjemahan (Williams & Chesterman, 2014; Saldanha & O'Brien, 2014). Oleh itu, reka bentuk ini sesuai dengan fokus kajian yang bertujuan meneroka secara mendalam bagaimana istilah budaya khusus dipindahkan daripada teks hadis Arab ke dalam terjemahan bahasa Melayu, khususnya apabila data yang dikaji melibatkan unsur budaya, makna kontekstual dan perbezaan sistem bahasa antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Kajian eksploratori juga membolehkan penyelidik membina pemahaman awal yang lebih terperinci terhadap fenomena pemindahan istilah budaya sebelum kajian lanjutan berskala lebih besar dijalankan.

Data kajian ialah istilah budaya khusus dalam teks hadis Arab yang diterjemahkan secara pemindahan dalam Terjemahan Sahih al-Bukhari (TSB). Setiap istilah dianalisis dari sudut bentuk asal bahasa Arab, bentuk terjemahan dalam bahasa Melayu, makna leksikal, fungsi kontekstual dalam hadis, dan keperluan kepada keterangan tambahan. Justeru, reka bentuk kajian ini tidak menilai kuantiti penggunaan prosedur pemindahan secara menyeluruh, tetapi menumpukan analisis mendalam terhadap beberapa contoh terpilih yang dapat memperlihatkan pola pemindahan makna istilah budaya khusus.

3.2 Korpus kajian

Korpus kajian terdiri daripada teks terjemahan hadis daripada Terjemahan Sahih al-Bukhari (TSB) terbitan Jabatan Perdana Menteri (2021) sebagai teks sasaran. Teks sumber pula dirujuk daripada kitab Sahih al-Bukhari. Beberapa kitab syarah hadis juga diguna pakai bagi memastikan kefahaman makna asal istilah budaya adalah tepat dan berautoriti. Antara kitab syarah hadis muktabar yang dirujuk ialah Fath al-Bari karya Ibn Hajar al-'Asqalani (1970) dan 'Umdat al-Qari karya al-'Ayni (2010). Kitab-kitab ini berperanan membantu menjelaskan dimensi linguistik, budaya dan konteks penggunaan istilah budaya dalam hadis.

3.3 Pemilihan dan analisis data

Pemilihan data kajian dilaksanakan secara berfokus, dengan melibatkan lima (5) hadis terpilih yang mengandungi istilah budaya khusus. Pemilihan hadis ini dibuat berdasarkan beberapa kriteria utama, iaitu: (i) mengandungi istilah budaya yang sukar diterjemahkan secara literal ke dalam bahasa Melayu; (ii) mewakili kedua-dua kategori budaya, iaitu budaya material dan bukan material; serta (iii) istilah tersebut diterjemahkan secara pemindahan. Pendekatan ini bertujuan memastikan data yang dianalisis bersifat signifikan dan serta selari dengan objektif kajian.

Data kajian terdiri daripada lima (5) istilah khusus budaya iaitu: '*Asyura*, *jahiliyah*, *tharid*, *sawiq* dan *salaf*. Setiap istilah ini dianalisis daripada sudut makna leksikal dan makna kontekstual. Analisis leksikal dilakukan dengan merujuk kepada kamus bahasa Arab, manakala analisis kontekstual dibuat dengan merujuk kepada kitab syarah hadis bagi memastikan ketepatan makna asal serta kesesuaian penggunaannya dalam konteks hadis.

4.0 Dapatan kajian dan perbincangan

4.1: Istilah 'Asyura

حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ، حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ، عَنِ أَيُّوبَ، عَنْ نَافِعٍ، عَنِ ابْنِ عُمَرَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا - قَالَ "صَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَاشُورَاءَ، وَأَمَرَ بِصِيَامِهِ. فَلَمَّا فُرِضَ رَمَضَانُ تَرَكَ". وَكَانَ عَبْدُ اللَّهِ لَا يَصُومُهُ، إِلَّا أَنْ يُوَافِقَ صَوْمَهُ.

[al-Bukhārī, 1793]

Terjemahan (TSB):

[al-Bukhārī, Terjemahan Sahih al-Bukhari JPM, Kitab Puasa., Bab Kewajiban Puasa Ramadhan, no hadis 1892]

Musaddad menyampaikan kepada kami, Ismail menyampaikan kepada kami, daripada Ayyub, daripada Nafi', daripada Ibn Umar R.Anhuma, katanya: "Nabi SAW berpuasa pada hari '**Asyura**' dan memerintahkan (para sahabatnya) untuk berpuasa. Apabila difardhukan (puasa) Ramadhan, maka (puasa 'Asyura') ditinggalkan (yakni tidak menjadi wajib)." Abdullah tidak berpuasa pada hari itu ('Asyura'), melainkan sekiranya ia berbetulan dengan puasa yang biasa beliau lakukan."

Perbincangan:

Perkataan 'Āsyūrā' tergolong dalam kategori unsur budaya bukan material, khususnya budaya yang berkaitan dengan amalan keagamaan. Dari sudut etimologi, istilah ini berasal daripada akar triliteral ع - ش - ر ('ashara) yang merujuk kepada angka sepuluh (عشرة) (Almaany, 2010). Secara morfologinya, 'Āsyūrā' adalah bentuk zarf zaman yang berfungsi sebagai petunjuk masa, iaitu hari kesepuluh (Abu Al-Azm, 2013).

Menurut Ibn al-Athir (1979) dalam *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith*, istilah ini digunakan secara khusus untuk merujuk hari ke-10 dalam bulan Muharam. Walau bagaimanapun, 'Āsyūrā' bukan sekadar merujuk kepada penanda waktu secara literal, bahkan merupakan hari yang mempunyai signifikansi sejarah dan keagamaan dalam Islam. Oleh itu, istilah ini jelas tergolong dalam kategori budaya khusus agama kerana maknanya tidak dapat dipisahkan daripada konteks sejarah dan amalan umat Islam.

Dalam *Terjemahan Sahih al-Bukhari* (TSB), istilah (عاشوراء) diterjemahkan melalui prosedur pemindahan sebagai "Asyura" tanpa disertai sebarang penjelasan tambahan. Pemindahan ini mengekalkan bentuk istilah sumber dan dapat difahami oleh sebahagian besar pembaca Muslim Melayu sebagai nama hari tertentu dalam kalendar Islam. Namun begitu, dari sudut penterjemahan unsur budaya, pengekalannya semata-mata tidak semestinya memindahkan keseluruhan makna kontekstual yang terkandung dalam teks sumber.

Dalam konteks ini, 'Asyura' bukan sahaja merujuk kepada hari kesepuluh bulan Muharam, bahkan turut membawa latar amalan keagamaan, khususnya puasa sunat yang berkaitan dengan peristiwa dan tradisi tertentu dalam Islam. Oleh itu, tanpa

keterangan tambahan, makna konseptual dan fungsi keagamaan istilah tersebut berisiko tidak ditanggapi secara menyeluruh oleh pembaca sasaran, khususnya dalam pembacaan hadis yang memerlukan kefahaman terhadap latar hukum, amalan dan budaya Islam. Secara kontekstualnya, perkataan ini mempunyai latar budayanya yang tersendiri seperti yang dapat difahami melalui sejarah perkembangan Islam.

Sehubungan itu, prosedur pemindahan bagi istilah 'Asyura wajar digabungkan dengan keterangan tambahan bagi mengimbangi pengekalan istilah sumber dengan keperluan kefahaman pembaca sasaran, terutamanya bagi pembaca bukan Muslim. Sebagai contoh, istilah tersebut boleh diterjemahkan sebagai: 'Asyura', iaitu hari kesepuluh dalam bulan Muharam. Keterangan tambahan ini berfungsi sebagai mekanisme penjelasan kontekstual yang membantu menjembatani jurang budaya antara teks sumber dan teks sasaran. Pendekatan ini sejajar dengan pandangan Baker (2018) bahawa penterjemah perlu mengambil kira pengetahuan pembaca sasaran terhadap unsur budaya sumber agar makna yang disampaikan tidak hanya tepat dari sudut bentuk, tetapi juga dapat ditafsirkan secara memadai dalam konteks bahasa sasaran.

4.2: Istilah *Jahiliyah*

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ، حَدَّثَنَا اللَّيْثُ، عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي حَبِيبٍ، أَنَّ عِرَاكَ بْنَ مَالِكٍ، حَدَّثَهُ أَنَّ
عُرْوَةَ أَخْبَرَهُ عَنْ عَائِشَةَ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا . أَنَّ فُرَيْشًا، كَانَتْ تَصُومُ يَوْمَ عَاشُورَاءَ فِي الْجَاهِلِيَّةِ، ثُمَّ أَمَرَ
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِصِيَامِهِ حَتَّى فُرِضَ رَمَضَانُ وَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
«مَنْ شَاءَ فَلْيَصُمْهُ، وَمَنْ شَاءَ أَفْطَرْ».

[al-Bukhārī, 1794]

Terjemahan (TSB):

[al-Bukhārī, Terjemahan Sahih al-Bukhari JPM, Kitab Puasa, Bab Kewajipan Berpuasa, no hadis 1893]

Qutaibah bin Sa'id menyampaikan kepada kami, al-Laith menyampai-kan kepada kami, daripada Yazid bin Abu Habib, bahawa 'Irak bin Malik menyampaikan kepadanya, bahawa 'Urwah mengkhabarkan kepadanya, daripada Aisyah R.Anha, bahawasanya orang Quraisy berpuasa pada hari 'Asyura' di zaman *jahiliyah*. Kemudian Nabi SAW memerintahkan supaya berpuasa pada hari itu sehinggalah difardhukan (puasa) Ramadhan. Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang ingin (berpuasa 'Asyura'), maka berpuasalah (pada hari itu) dan sesiapa yang tidak (ingin berpuasa), maka berbukalah (tidak berpuasa)".

Perbincangan:

Istilah "*Al-Jahiliyyah* (الجاهلية)" tergolong dalam budaya bukan material kerana merujuk kepada budaya sosial yang berkaitan dengan tatacara hidup masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam. Dari sudut etimologi, perkataan ini berasal daripada akar triliteral - ج ل - ة (Jahala) yang bermaksud tidak mengetahui, cetek pengetahuan atau bodoh (Ibn Manẓūr, 2003). Secara morfologinya, perkataan ini didatangkan dalam bentuk masdar

ṣināʾī (المصدر الصناعي) yang membawa pengertian 'sistem atau keadaan' (Rahman, 2007). Dalam al-Muʿjam al-Wasit pula, perkataan jahiliyyah secara istilah bermaksud keadaan orang Arab sebelum kedatangan Islam yang dipenuhi dengan amalan kejahilan dan kesesatan yang diwarisi daripada nenek moyang (Majmaʾ al-Lughah al-ʿArabiyyah, 2004).

Selain itu, maksud lain bagi perkataan *jahiliyyah* ialah zaman atau tempoh kekosongan antara dua orang rasul; khususnya merujuk kepada tempoh atau zaman selepas Nabi Isa AS diangkat ke langit dan sehingga atau sebelum Nabi Muhammad SAW dilantik menjadi rasul (Majmaʾ al-Lughah al-ʿArabiyyah, 2004). Daripada penjelasan berikut, maka dapat difahami "*Jahiliyyah*" bukan sekadar kejahilan individu, tetapi menggambarkan situasi bangsa Arab pada ketika itu yang jauh daripada ajaran yang benar (Suharjianto & Maghfiroh, 2022).

Dalam TSB, istilah ini diterjemahkan sebagai "zaman jahiliyah". Menurut Kamus Dewan, perkataan 'jahiliyah' dipinjam daripada bahasa Arab yang bermaksud gelaran kepada masyarakat Arab (sebelum lahirnya Nabi Muhammad) yang tidak menerima kebenaran (ajaran para nabi dan rasul sebelum kedatangan Islam), manakala 'zaman jahiliyah' merujuk kepada zaman sebelum kedatangan Islam (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2017). Oleh itu, 'jahiliyah' tidak merujuk kepada tahap kepandaian masyarakat pada zaman itu, tetapi merujuk kepada mereka yang tidak dapat membezakan antara kebenaran dan kebatilan.

Walau bagaimanapun, dari sudut analisis terjemahan, penggunaan prosedur pemindahan dalam bentuk "jahiliyah" dengan penambahan kata "zaman" masih berpotensi menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pembaca sasaran yang kurang arif tentang latar sejarah dan konsep istilah tersebut. Terdapat kemungkinan pembaca menafsirkannya secara literal sebagai "kejahilan" dalam erti kata kurang ilmu semata-mata, sedangkan makna sebenarnya merujuk kepada suatu sistem nilai dan keadaan sosial yang menolak petunjuk wahyu serta berasaskan adat tradisi dan hawa nafsu.

Dalam konteks ini, Jahiliyah bukan sekadar kejahilan individu, malah ia merujuk kepada satu sistem nilai yang menolak petunjuk wahyu. Ia berasaskan adat tradisi dan hawa nafsu. Istilah ini diterjemahkan secara pemindahan sebagai "jahiliyah" dengan menambah perkataan "zaman" di awalnya bagi merujuk bahawa jahiliyah yang dimaksudkan adalah zaman. Oleh itu, penyelidik mencadangkan agar keterangan tambahan dibekalkan bagi memastikan makna sebenar dapat difahami secara tuntas dalam bahasa Melayu bagi memperjelas makna istilah tersebut, contohnya: *Jahiliyyah, iaitu zaman sebelum kedatangan Islam yang dipenuhi amalan kejahilan dan penolakan wahyu*. Pendekatan ini dapat membantu mengurangkan jurang kefahaman antara teks sumber dan pembaca sasaran.

Dalam konteks Malaysia, terjemahan hadis ke dalam bahasa Melayu sangat penting kepada masyarakat Islam dan golongan muallaf yang tidak mempunyai latar belakang pengetahuan dalam bahasa Arab (Majid et al., 2014). Apa sahaja yang dipaparkan dalam teks terjemahan akan memberi kesan langsung kepada pemahaman pembaca terhadap teks hadis tersebut. Oleh sebab itu penterjemah bertanggungjawab dalam memastikan mesej yang disampaikan tidak tersasar (Yassin et al., 2017). Justeru, penyelidik mencadangkan keterangan tambahan dimasukkan bagi istilah ini, sebagai

contoh: Jahiliyah, yaitu zaman sebelum kedatangan Islam. Prosedur persamaan deskriptif juga boleh digunakan seperti yang terdapat dalam teks terjemahan hadis bahasa Inggeris yang memaknakan (الجاهيلية) sebagai *the pre-Islamic period of ignorance* (Sunnah.com, n.d) tanpa menggunakan prosedur pemindahan.

4.3: Istilah *Tharid*

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ، حَدَّثَنَا غُنْدَرٌ، حَدَّثَنَا شُعْبَةُ، عَنْ عَمْرِو بْنِ مَرْثَةَ الْجَمَلِيِّ، عَنْ مَرْثَةَ الْهَمْدَانِيِّ، عَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «كَمَلَمَلٌ مِنَ الرِّجَالِ كَثِيرٌ، وَمَمٌ يَكْمَلُنَ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَرْيَمُ بِنْتُ عِمْرَانَ وَأَسِيَّةُ امْرَأَةِ فِرْعَوْنَ، وَفَضْلٌ عَائِشَةَ عَلَى النِّسَاءِ كَفَضْلِ الثَّرِيدِ عَلَى سَائِرِ الطَّعَامِ».

[al-Bukhārī,5150]

Terjemahan (TSB):

[al-Bukhārī, Terjemahan Sahih al-Bukhari JPM, Kitab Makanan, Bab: Tharid, no hadis 5418]

Muhammad bin Basyar menyampaikan kepada kami, Ghundar menyampaikan kepada kami, Syu'bah menyampaikan kepada kami, daripada 'Amr bin Murrah al-Jamali, daripada Murrah al-Hamdani, daripada Abu Musa al-Asy'ari R.A, daripada Nabi SAW, Baginda SAW bersabda: "Ramai yang mencapai kesempurnaan daripada kaum lelaki dan tidak sempurna daripada kaum perempuan (dalam kalangan umat terdahulu) melainkan Maryam Binti 'Imran dan Asiah isteri Fir'aun. Dan kelebihan Aisyah ke atas para wanita adalah seperti *tharid* ke atas seluruh makanan yang lain."

Perbincangan:

Perkataan *tharid* (الثَّرِيدُ) dalam hadis ini adalah satu contoh perkataan bernuansa budaya material (iaitu makanan) yang sukar diterjemahkan secara langsung kerana merujuk kepada satu jenis makanan tradisional Arab. Dari sudut etimologi, perkataan ini berasal daripada akar triliteral ت - ر - د (Tharada) yang bermaksud mencari dan mengoyakkan sesuatu (Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, 2004), merujuk kepada cara penyediaan roti yang dicarik-carik sebelum dicampurkan dengan kuah.

Secara kontekstual, *tharid* ialah makanan yang diperbuat daripada roti (خبز) yang dicarik-carik yang kebiasaannya dimakan dengan kuah daging (Ibn Hajar, 1986; al-'Aynī, 2010). al-Sindī (1986) menjelaskan bahawa *tharid* adalah roti yang bercampur daging yang enak dan mudah dimakan. Selain itu ia juga berkhasiat.

Dalam hadis berkenaan, istilah *tharid* berkenaan digunakan dalam bentuk perumpamaan sebagai kata pujian daripada Nabi yang menggambarkan Saidatina Aisyah seperti *tharid*, dan ini menunjukkan kelebihan Aisyah berbanding para wanita lain. Oleh itu, untuk memahami maksud hadis ini, makna *tharid* perlu diteliti berdasarkan konteks budaya dan penggunaannya dalam masyarakat Arab. Dalam konteks hadis

tersebut, perbandingan yang dibuat bukan bertujuan menyamakan isteri Baginda SAW dengan makanan secara literal, tetapi merujuk kepada kedudukan *tharid* sebagai makanan yang dianggap istimewa dan mempunyai kelebihan tertentu dalam konteks budaya Arab (Ibn Hajar, 1986; al-'Ayni, 2010). Justeru, *tharid* berfungsi sebagai unsur perbandingan budaya yang membawa makna keutamaan, kelebihan dan penghargaan, bukan sekadar makna leksikal sebagai sejenis makanan.

Sekiranya istilah ini diterjemahkan semata-mata melalui prosedur pemindahan tanpa sebarang penjelasan tambahan, pembaca sasaran berkemungkinan tidak dapat menggambarkan bentuk, sifat dan nilai budaya yang terkandung dalam istilah tersebut. Akibatnya, mesej perumpamaan yang ingin disampaikan dalam hadis pasti tidak dapat difahami dengan tepat. Dalam konteks ini, penyelidik mencadangkan agar keterangan tambahan disertakan sama ada dalam bentuk kurungan atau nota kaki bagi menjelaskan bahawa *tharid* ialah roti yang dicarik dan dicampur kuah daging, serta merupakan makanan yang bernilai dalam budaya Arab.

Selain itu, prosedur lain yang juga boleh diterapkan untuk penterjemahan istilah budaya ini ialah pengklasifikasi (*classifier*) yang menggunakan istilah umum sebagai keterangan, sebagai contoh, menambah perkataan roti kepada istilah *tharid*, iaitu roti *tharid*. Ini akan memberi gambaran jelas kepada pembaca sasaran bahawa *tharid* ialah sejenis roti sekali gus mengurangkan jurang kefahaman tanpa menghilangkan identiti budaya istilah tersebut.

4.4: Istilah *Sawiq*

حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ حَرْبٍ، حَدَّثَنَا حَمَّادٌ، عَنْ يَحْيَى، عَنْ بُشَيْرِ بْنِ يَسَارٍ، عَنْ سُؤَيْدِ بْنِ النُّعْمَانِ، أَنَّهُ أَخْبَرَهُ أَنَّهُمْ، كَانُوا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالصَّهْبَاءِ . وَهِيَ عَلَى رَوْحَةٍ مِنْ خَيْبَرَ . فَحَضَرَتِ الصَّلَاةُ، فَدَعَا بِطَعَامٍ فَلَمْ يَجِدْهُ إِلَّا سَوِيْقًا، فَلَاكَ مِنْهُ فَلُكْنَا مَعَهُ، ثُمَّ دَعَا بِمَاءٍ فَمَضْمَضَ، ثُمَّ صَلَّى وَصَلَّيْنَا، وَمَمْ يَتَوَضَّأُ.

[al-Bukhārī,5075]

Terjemahan (TSB):

[al-Bukhārī, Terjemahan Sahih al-Bukhari JPM, Kitab Makanan, Bab: Sawiq, no hadis 5390]

Sulaiman bin Harb menyampaikan kepada kami, Hammad menyampaikan kepada kami, daripada Yahya, daripada Busyair bin Yasar, daripada Suwaid bin al-Nu'man bahawa beliau mengkhabarkan kepadanya bahawa mereka bersama Nabi SAW di al-Sahba' - Dan al-Sahba jaraknya sepetang perjalanan dari Khaibar - lalu masuklah waktu solat. Baginda SAW meminta dibawakan makanan, tetapi tidak ada kecuali *sawiq*. Baginda SAW mengunyahnya dan kami pun mengunyah bersamanya. Setelah itu, Baginda SAW meminta dibawakan air, lalu berkumur-kumur. Kemudian Baginda mendirikan solat dan kami pun solat bersamanya, dan Baginda tidak mengulangi wudhu'nya.

Perbincangan:

Istilah “Sawiq” (السويق) tergolong dalam budaya material (iaitu makanan). Dari sudut etimologi, perkataan ini berasal daripada akar triliteral س - و - ق (sawiqā) yang bermaksud memandu dan mengiring (Ibn Manzūr, 2003). Dari segi kontekstual, *sawiq* ialah sejenis makanan dalam tradisi Arab yang diperbuat daripada tepung gandum atau tepung barli yang halus. Dinamakan *sawiq* kerana mudah ditelan atau mudah mengalir masuk ke dalam kerongkong (Majma’ al-Lughah al- ‘Arabiyyah, 2004). Perkataan *sawiq* merujuk kepada sejenis makanan tradisional masyarakat Arab yang diperbuat daripada bijirin yang disangai dan kemudiannya dikisar halus (Noorud-deen, 2024).

Ibn Manzūr (2003) dalam kamusnya menyatakan *sawiq* ialah makanan yang diperbuat daripada gandum dan barli yang dikisar halus. Disebabkan sifatnya yang khusus dalam tradisi Arab, *Sawiq* tergolong dalam kategori istilah budaya makanan khusus yang sukar diterjemahkan secara literal disebabkan perbezaan antara budaya Arab dan Melayu. Sekiranya perkataan ini diterjemahkan secara pemindahan sahaja tanpa keterangan tambahan, maksud dan konteks bagi perkataan ini tidak dapat digambarkan dengan jelas dan difahami dengan berkesan oleh pembaca sasaran.

Bagi mengekalkan makna asal dan konteks budayanya, strategi terjemahan yang disarankan ialah mengekalkan istilah asal (*sawiq*) dengan disertakan keterangan dalam kurungan atau nota kaki seperti “*sawiq* (sejenis makanan Arab tradisional yang diperbuat daripada gandum atau barli sangai yang dikisar halus)”. Dengan cara ini, pembaca dapat memahami bukan sahaja maksud literal, tetapi juga konteks budaya dan sejarah makanan tersebut sebagaimana yang difahami dalam teks hadis. Ini penting bagi memastikan maksud dan nilai yang ingin disampaikan oleh matan hadis tidak hilang dalam proses terjemahan.

4.5: Istilah *Salaf*

حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ زُرَّارَةَ، أَخْبَرَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عَلْبَةَ، أَخْبَرَنَا ابْنُ أَبِي نَجِيحٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ كَثِيرٍ، عَنْ أَبِي الْمِنْهَالِ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا - قَالَ قَدِمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ، وَالنَّاسُ يُسَلِّفُونَ فِي الثَّمَرِ الْعَامَ وَالْعَامِينَ - أَوْ قَالَ عَامَيْنِ أَوْ ثَلَاثَةً. شَكََّ إِسْمَاعِيلُ. فَقَالَ: «مَنْ سَلَفَ فِي تَمْرٍ فَلْيُسَلِّفْ فِي كَيْلٍ مَعْلُومٍ، وَوَزْنٍ مَعْلُومٍ».

[al-Bukhārī,2124]

Terjemahan TSB:

[al-Bukhārī, Terjemahan Sahih al-Bukhari JPM, Kitab jual beli secara salam, Bab: Jual beli secara salam dengan menggunakan sukatan yang dimaklumi, no hadis 2239]

Amr bin Zurarah menyampaikan kepada kami, Isma'il bin 'Ulayyah mengkhabarkan kepada kami, Ibn Abi Najih, mengkhabarkan kepada kami, daripada Abdullah bin Kathir, daripada Abu al-Minhal, daripada Ibn Abbas R.Anhuma, katanya: Nabi SAW datang ke Madinah dan orang ramai melakukan jual beli buah-buahan secara *salaf* selama setahun dan dua tahun - perawi berkata: atau Ibn Abbas mengatakan dua atau tiga tahun, Ismail ragu-ragu pada hal ini - maka Baginda bersabda: "Barangsiapa yang melakukan jual beli

salaf pada kurma, maka hendaklah dia melakukannya dengan sukatan yang diketahui dan timbangan yang diketahui."

Perbincangan:

Istilah *salaf* (سلف) tergolong dalam budaya bukan material kerana ia merupakan budaya sosial yang berkaitan dengan tatacara jual beli. Perkataan ini berasal daripada akar triliteral س - ل - ف (*salafa*) yang bermaksud sesuatu yang telah berlalu, selesai, mendahului atau berlaku terlebih dahulu (Almaany, 2010).

Dalam kitab *Fath al-Bari*, Ibn Hajar (1986) menyatakan bahawa perkataan *salaf* dan *salam* merujuk kepada maksud yang sama. Beliau menukilkan daripada al-Mawardi bahawa perkataan *salaf* lazimnya digunakan oleh penduduk di Iraq, manakala perkataan *salam* digunakan secara bahasa oleh penduduk Hijaz. *Salaf* secara kontekstual merujuk kepada transaksi jual beli yang memberikan modal terlebih dahulu, manakala *salam* bermaksud jual beli yang menangguhkan pemberian barangan dalam akad jual beli. Kedua-duanya merujuk kepada situasi yang sama.

Dalam konteks hadis di atas, istilah *salaf* yang dibincangkan merujuk kepada bab jual beli secara *salam*, iaitu jual beli secara tangguh. Perkataan *salaf* dalam TSB diterjemahkan secara pemindahan semata-mata dengan mengekalkan perkataan tersebut. Berdasarkan analisis leksikal dan kontekstual, pemindahan istilah *salaf* secara langsung mengekalkan bentuk istilah sumber, namun belum sepenuhnya menjelaskan fungsi istilah tersebut dalam konteks transaksi jual beli secara tangguh atau bayaran terdahulu. Hal ini kerana istilah *salaf* dalam konteks hadis ini tidak merujuk kepada makna umum "sesuatu yang telah berlalu", sebaliknya membawa makna khusus dalam wacana muamalat, iaitu jual beli secara *salam* yang melibatkan pembayaran harga terlebih dahulu bagi barangan yang diserahkan kemudian.

Oleh itu, istilah ini wajar disertai keterangan tambahan, sama ada dalam kurungan atau nota kaki, bagi memperjelas makna teknikal dan konteks penggunaannya dalam hadis. Sebagai contoh, istilah *salaf* boleh diterjemahkan sebagai *salaf* (jual beli dengan pembayaran terlebih dahulu bagi barangan yang diserahkan kemudian). Kaedah ini membantu pembaca memahami konsep akad secara tepat, sekali gus mengekalkan makna asal serta konteks budaya dan sosial yang terkandung dalam istilah tersebut.

5.0 Kesimpulan

Hadis Nabawi mengandungi banyak istilah budaya khusus masyarakat Arab, termasuklah istilah agama, sosial dan material. Lazimnya, istilah seumpama ini diterjemahkan secara pemindahan (*transference*) kerana ketiadaan padanan langsung atau padanan tepat. Namun, menggunakan prosedur pemindahan semata-mata tanpa disertai dengan penjelasan dalam penterjemahan istilah tersebut boleh mengundang ketidakfahaman dalam kalangan pembaca sasaran, terutamanya bagi pembaca yang tiada latar belakang bahasa Arab.

Berdasarkan lima data yang dianalisis, iaitu *Asyura*, *Jahiliyah*, *tharid*, *sawiq* dan *salaf*, kajian ini mendapati bahawa prosedur berperanan penting dalam mengekalkan bentuk asal dan identiti budaya istilah sumber dalam teks terjemahan hadis. Walau

bagaimanapun, dapatan juga menunjukkan bahawa pemindahan semata-mata tidak sentiasa memadai untuk menyampaikan makna istilah budaya khusus secara menyeluruh, khususnya apabila istilah tersebut membawa makna leksikal, kontekstual, budaya dan keagamaan yang tidak dapat difahami hanya melalui bentuk pinjaman dalam bahasa sasaran.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa istilah budaya material seperti *tharid* dan *sawiq* lebih memerlukan keterangan tambahan yang menjelaskan bentuk, bahan, cara penyediaan dan nilai budaya makanan tersebut dalam masyarakat Arab. Hal ini kerana kedua-dua istilah tersebut bukan sekadar merujuk kepada makanan, tetapi turut membawa makna budaya yang berkaitan dengan amalan pemakanan, nilai sosial dan konteks penggunaannya dalam hadis. Bagi istilah *tharid*, penjelasan tambahan diperlukan kerana istilah tersebut digunakan sebagai unsur perumpamaan budaya yang membawa makna kelebihan dan penghargaan, bukan sekadar nama makanan. Bagi istilah *sawiq* pula, penjelasan tentang bentuk makanan, bahan asas dan cara penyediaannya dapat membantu mengekalkan makna budaya yang terkandung dalam teks sumber.

Sementara itu, istilah budaya bukan material seperti *'Asyura*, *Jahiliyah* dan *salaf* memerlukan penjelasan yang lebih bersifat konseptual, kontekstual atau teknikal. Istilah *'Asyura* memerlukan keterangan tentang kedudukannya sebagai hari kesepuluh bulan Muharam serta kaitannya dengan amalan puasa sunat. Istilah *Jahiliyah* pula tidak memadai jika difahami sebagai "kejahilan" secara literal, sebaliknya perlu dijelaskan sebagai satu keadaan sosial, nilai dan keagamaan sebelum kedatangan Islam. Adapun istilah *salaf* dalam konteks hadis muamalat memerlukan penjelasan teknikal kerana ia merujuk kepada bentuk transaksi jual beli secara *salam*, iaitu pembayaran harga terlebih dahulu bagi barangan yang diserahkan kemudian.

Kajian ini menunjukkan bahawa keperluan kepada keterangan tambahan berbeza mengikut jenis istilah budaya. Istilah budaya material cenderung memerlukan huraian deskriptif tentang bentuk fizikal dan fungsi budaya, manakala istilah budaya bukan material memerlukan huraian konseptual, sejarah, keagamaan atau teknikal. Oleh itu, pemindahan sebagai prosedur terjemahan tidak wajar dinilai hanya berdasarkan fungsinya dalam mengekalkan istilah sumber, tetapi juga berdasarkan sejauh mana istilah yang dipindahkan itu dapat menyampaikan fungsi makna dan konteks budaya dalam bahasa sasaran.

Kajian ini memperlihatkan bahawa dalam penterjemahan hadis Arab-Melayu, pemindahan perlu dilaksanakan secara selektif dan disokong oleh strategi penjelasan seperti keterangan dalam kurungan, nota kaki, atau glosari. Pendekatan ini dapat membantu mengekalkan keaslian istilah sumber tanpa mengabaikan kefahaman pembaca sasaran. Justeru, dapatan kajian ini menyumbang kepada pengukuhan amalan penterjemahan teks hadis yang lebih sensitif terhadap hubungan antara bahasa, budaya, konteks agama dan keperluan pembaca.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah menaja aktiviti projek Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) 2024 (KOD PENYELIDIKAN: FRGS/1/2024/SSI01/USIM/02/2).

Rujukan

- Abdul-Raof, H. (2001). *Qur'an Translation: Discourse, Texture and Exegesis*. London: Routledge.
- Abu al-Azm, Abdul Ghani. (2013). *Mu'jam al-Ghani al-Zhahir* (Cetakan pertama). Muassasah al-Ghani.
- Adi Hazmi M.R. (2025). Metodologi Penulisan dan Verifikasi Hadis-Hadis Khutbah Jumaat: Tumpuan Kepada Teks Khutbah Terbitan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) Tahun 2023. *Jurnal Pengajian Islam*, 18(1), 14-55.
- Ahmad Izzuddin, A.B. (2024). Analisis Kesilapan Terjemahan Hadis Dan Cadangan Penambahbaikan: Satu Tinjauan Awal. *Journal of Hadith Studies*, 9(2), 163-172.
- al-'Aynī, M. A. (2010). *'Umdat al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī / Dār al-Fikr.
- Almaany. (2010). <https://www.almaany.com/> 12 Ogos 2025.
- al-Sindī, M. A. H. (1986). *Hāshiyat al-Sindī 'alā Sunan al-Nasā'ī*. Beirut: Dar Ihya Turath 'Arabi wa Dar al-Fikir.
- Amat, M. F., & Abd Rahman, R. (2025). Analisis Prosedur Penterjemahan Unsur Budaya dalam Kisah Rakyat Melayu Berbahasa Arab. *Al-Qimah Al-Mudhafah: The Journal of Management and Science*, 9(2), 72-83.
- Baker, M. (1992). *In Other Words: A Coursebook on Translation*. London: Routledge.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2016). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Sage publications.
- Dhuha Abduljabbar Fathi. (2023). Problems of Translating Ahaadeeth. *International Journal of Current Sciences Research and Review*, 6(4), 2310-2313.
- Ibn Athir, M. al-D. A. as-Saadat. (1979). *Al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Maktabah Ilmiyyah.
- Ibn Hajar al-'Asqalānī, A. A. (1986). *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Cairo: Dār al-Rayyān li-al-Turāth.
- Ibn Manzūr. (2003). *Lisan al-'Arab* (Vols. 1–15). Beirut: Dar Sadir.
- Idris, M. (2013). Pendekatan Terjemahan. In Haslina Haroon & Hasuria Che Omar (Eds.), *Asas Terjemahan dan Interpretasi*. (58-75). Penerbit USM.
- Kardimin. (2013). Problematika Penterjemahan Teks Bernuasa Keagamaan. *INSYIRAH, Jurnal Ilmu Bahasa Arab dan Studi Islam*, 1(2), 2-26.
- Louise, Heicht. (2021). The Culture: Characteristic and Its Elements. *Journal of Sociology and Anthropology*, 10 (3), 001-002.
- Majid, L. A., Hussin, H., Kurt, N., & Majid, M. N. A. (2014). Textual Exegesis of Malay Translations of Arabic Hadith Text as Tools Teaching in Social and Religious. *Mediterranean Journal Of Social Sciences*, 5.
- Majitova, A. (2025). Linguistic Relativity: On The Relationship between Language and Culture. *Foreign Languages in Uzbekistan*, 102–116.
- Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah. (2004). *Al-Mu'jam al-Wasīṭ* (2nd ed.). Kaherah: Dār al-Shurūq.

- Md. Noor Hussin et al. (2024) Ketepatan Terjemahan Hadis dalam Kitab Fiqh As-Sirah. *Jurnal iJALAL*, 1(1), 17-33.
- Muhammad Zaid S.K, Mohamad Redha, M & Muhammad Firdaus A.M (2021). Pendekatan Terjemahan Derivasi Tafa'ala dalam Kitab Hadis Sahih Bukhari. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 130-147.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. London: Prentice Hall.
- Nida, E. A., & Taber, C. R. (1969). *The Theory and Practice of Translation*. Leiden: E. J. Brill.
- Noorud-deen Rashid. (2024). What is Saweeq (or sawiq). *Islam Answer*. <https://islamanswers.co.uk/question/what-is-saweeq-or-sawiq/> 12 Ogos 2025.
- Norhazlina, H., Saliza, I, Midiyana, M, & Haslina, H. (2024). Terjemahan Unsur Budaya Sosial dalam Amali Terjemahan Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(5), e002827-e002827.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. 2017. <https://prpm.dbp.gov.my/> 12 Ogos 2025.
- Rahawan, M. S. M. A.-R. (2019). Hadith Translation: Handling Linguistic and Juristic Problems in Translating Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. *CDELTA Occasional Papers in the Development of English Education*, 68(1), 95–135. <https://doi.org/10.21608/opde.2019.131921>
- Rahman, A. A. (2007). *Masdar bahasa Arab: Fungsi & penggunaan*. Utusan Publications.
- Rosyanti, I. (2018). Penggunaan Hadis Dalam Tafsir Al-Maraghi. *Diroyah : Jurnal Studi Ilmu Hadis*, 2(2), 137–146. <https://doi.org/10.15575/diroyah.v2i2.2502>
- Saldanha, G., & O'Brien, S. (2014). *Research methodologies in translation studies*. Routledge.
- Suharjianto, S., & Maghfiroh, R. A. (2022). Jahiliyyah Dalam Penafsiran Ibnu Kasir. *QiST: Journal of Quran and Tafseer Studies*, 1(1), 11-29.
- Sunnah.com. (n.d.). *Hadith collection*. <https://sunnah.com/> 12 Ogos 2025.
- Venuti, L. (1995) *The Translator's Invisibility. A History of Translation*. Routledge, London.
- Vinay, J. P., & Darbelnet, J. (1995). *Comparative Stylistics of French and English: A Methodology for Translation*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Williams, J., & Chesterman, A. (2014). *The map: a beginner's guide to doing research in translation studies*. Routledge.
- Yassin, N. S. M., Abd Rahman, M. M., & Yusoff, M. A. (2017). Analisis Penulisan Hadis dalam Kitab Jawi: Kajian Terhadap Kitab Bisharah al-Amilin wa Nadharat al-Ghafilin Karya Ahmad al-Fatani. *Al-Basirah Journal*, 7(1), 25-38.
- Zainal Abidin, H. (2014). *Penulisan Hadith Dalam Karya Terjemahan: Kajian Terhadap Terjemahan Hadith Dalam Kitab Fath Al-Mu'in*. Disertasi Sarjana. Universiti Malaya.